



## " MENTAATI IBUBAPA SATU KEWAJIPAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ  
أُمُّهُ وَهُنَّا عَلَىٰ وَهُنِّ وَفِصَلُهُ، فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي  
وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىَ الْمَصِيرِ .

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ  
وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا  
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan sentiasa mematuhi dan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya . Mudah-mudahan kita memperolehi kesejahteraan dan kerahmatan dari Allah dalam menjalani kehidupan kita di dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Isra' ayat 23:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا  
إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا  
تَقُولْ لَهُمَا أَفْٰفِي وَلَا تَنْهَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا



"Dan Tuhan Mu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-dua sekali sampai kepadा umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan kasar sekalipun perkataan "Ah" dan janganlah engkau menengking atau menyergah mereka tetapi katakanlah kepadा mereka perkataan yang baik dan mulia (bersopan santun)".



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kita dituntut agar berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan tuntutan tersebut adalah suatu kewajipan yang perlu ditunaikan . Ibu ialah seseorang yang telah melahirkan manusia di muka bumi ini dan setiap permulaan kehidupan manusia adalah bermula dengan kelahiran dari seorang ibu. Maka Islam memandang serius hukum berkaitan hubungan anak dengan ibubapa. Kita diperintahkan untuk sentiasa melakukan kebaikan, berlemah lembut, berbudi bahasa dan bersopan santun terhadap mereka. Lantaran itu juga kita diharamkan dan dilarang keras untuk melakukan kekasaran terhadap mereka samada dengan perbuatan mahupun perkakapan hatta dengan perkataan “ah” sekalipun tidak dibenarkan memandangkan perkataan tersebut menunjukkan tanda herdik atau membenci terhadap tindakan mereka.

Islam memandang berat berkaitan hubungan dengan kedua ibu bapa kerana merujuk kepada kepayahan dan kesusahan mereka dalam usaha mengandungkan kita , membesar , memelihara dan mendidik kita sehingga kita mampu berdikari seperti kita hari ini. Pengorbanan mereka adalah pengorbanan yang cukup besar samada masa, tenaga, harta hatta kepada pengorbanan perasaan mereka demi melihat anak mereka dalam keadaan yang baik dan menggembirakan. Maka atas dasar itulah Islam meletakkan satu tanggungjawab besar terhadap anak-anak sehingga digandingkan dengan persoalan mentauhidkan Allah SWT .

Sesuatu yang amat mengecewakan kita dewasa ini banyak perkara buruk berlaku, anak-anak tidak lagi hormat kepada orang yang lebih tua, berani memaki hamun ibu bapa , sanggup melakukan jenayah terhadap mereka seperti memukul , sepak terajang bahkan ada yang sanggup



membunuh. Sesungguhnya ini adalah tanda-tanda akhir zaman dan tanda kiamat sudah semakin hampir.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Persoalan mentaati ibu bapa adalah sesuatu yang sangat rapat dengan persoalan tauhid kerana sesiapa yang mengaku beriman kepada Allah sedang dia mengabaikan tanggungjawab terhadap para ibu bapanya maka ia bukanlah dikalangan orang yang beriman . Turutan perintah untuk menyembah Allah dan jangan mensyirikkan Allah dengan berbuat baik dengan kedua ibu bapa adalah menunjukkan begitu rapatnya hubungan antara persoalan taat kepada Allah dan taat kepada kedua ibu bapa.

Dewasa ini terdapat ramai di kalangan masyarakat yang mengabaikan tanggungjawab kepada kedua ibu bapa merekaDan juga terdapat ramai di kalangan masyarakat kita yang tidak mempedulikan nasib ibu bapa dan kurang prihatin terhadap kesusahan ibubapa mereka.

Ibu mengandungkan kita selama 9 bulan dengan penuh kepayahan seterusnya bila kita dilahirkan , kita adalah sebagai makhluk yang sangat lemah hingga kita terpaksa dibantu dibelai oleh si ibu dengan penuh kasih sayang. Atas rahmah dan kasih sayang jualah kita dapat dipelihara dengan penuh kasih sayang seorang ibu sehingga kita menjadi dewasa . Maka dengan kesusahan para ibu bapa yang membesar kita menjadi atas kewajipan untuk kita mentaati kedua ibu bapa.

Firman Alllah SWT dalam surah Luqman ayat ke 14:



وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَلَدِيهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ، وَهُنَّا عَلَىٰ وَهُنِّ  
وَفِصَلُهُ، فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلَوِلَدِيْكَ إِلَيَّ

الْمَصِيرُ

"Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya ,ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan dari awal mengandung sehingga akhir menyusunya dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun. Dengan demikian bersyukurlah kepada ku dan kedua ibu bapamu dan ingatlah kepad Aku lah juga tempat dikembalikan untuk menerima balasan".

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sesungguhnya begitu besar sekali peranan dan pengorbanan kedua ibu bapa kita, lebih lebih lagi terhadap seorang ibu sehingga Islam mengangkat darjah seorang ibu lebih dari seorang bapa.

Hadis daripada Mu'awiyah bin Haidah Al-Qusyairi bahawa Rasulullah s.a.w bersabda;

قُلْتُ: "يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ أَبْرُ؟ قَالَ: "أُمَّكَ" ،  
قُلْتُ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: "ثُمَّ أُمَّكَ". قُلْتُ: ثُمَّ



مَنْ؟ قَالَ: "أُمَّكَ". قُلْتُ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: "ثُمَّ أَبَاكَ، ثُمَّ الْأَقْرَبُ فَالْأَقْرَبُ".

"Aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w, siapakah orang yang paling patut untuk aku berbuat baik? Rasulullah s.a.w menjawab: ibu Mu kemudian aku bertanya lagi siapa ? Rasulullah s.a.w : Ibu Mu kemudian aku bertanya lagi siapa? Rasulullah s.a.w menjawab ibu Mu kemudian aku bertanya lagi siapa? Rasulullah s.a.w menjawab bapa Mu kemudian orang yang paling hampir dengan mu dan seterusnya".

(Riwayat At-Tirmidzi)

Menurut maksud hadis tersebut pengulangan lafaz 'ibuMu' menunjukkan tentang ketinggian martabat seorang ibu tanpa menafikan hakikat dan tanggung jawab seorang ayah . Pengorbanan seorang ibu adalah lebih besar bermula daripada peringkat kehamilan , seterusnya proses kelahiran , kemudian proses membesar memerlukan satu tahap kesabaran dan kecekalan yang tinggi.

Justeru itu pengorbanan seorang ibu adalah satu pengorbanan yang tidak boleh ditandingi dan sebab itu Islam telah meletakkan penghormatan yang tinggi kepada ibu.

Marilah sama-sama kita bermuhasabah dan berikrar untuk sentiasa menyayangi dan menjaga hubungan baik dengan ibubapa kita. Berusahalah agar kita tidak menyakiti hati mereka. Perbuatan menyakiti hati ibubapa adalah merupakan dosa yang cukup besar. Berjanjilah pada diri kita bahawa kita akan menjadi anak yang tidak mengecewakan



harapan kedua ibu bapa kita dan sentiasa menjaga nama baik keluarga kita dan jauh sekali untuk menjatuhkan maruah keluarga.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Disamping kita berdoa kesejahteraan tentang mereka, sewajarnya kita meraikan mereka dengan sentiasa mengunjungi dan menziarahi mereka , hulurkanlah bantuan dan kewangan yang sepatutnya, bawalah mereka turut serta dalam aktiviti percutian kita, sentiasalah bertanya khabar dan prihatin tentang kesihatan mereka. Sebagai anak maka kita hendaklah sentiasa mendahulukan keutamaan ibu walaupun ketika itu ada yang juga yang perlukan perhatian seperti seorang isteri. Seorang suami seharusnya bijak mengatur tentang keutamaan tersebut dan jika isteri yang solehah pasti akan memahami tentang tuntutan tersebut.

Sebab itu bila kita merujuk tentang sejarah ketika di Zaman Nabi s.a.w, maka kita teringat kisah seorang pemuda yang bernama Al-Qamah yang lebih mengutamakan isterinya berbanding ibunya. Maka apakah nasib Al Qamah ketika saat kematiannya sidang Jumaat sekalian sehingga Nabi s.a.w mengugut untuk membakar Al Qamah jika ibunya tidak memaaafkan kesalahan anaknya itu. Akhirnya selepas puas dipujuk, maka dengan penuh rasa kasih sayang ibu memaafkan Al Qamah dan Al Qamah dapat menghembuskan nafasnya dengan penuh tenteram. Mahukah peristiwa tersebut terjadi kepada diri kita? Persoalan dan peristiwa ini seharusnya dijadikan pengajaran dan peringatan semoga kita tidak termasuk dari golongan yang menderhakai kedua ibu bapa kita.

Kita hendaklah mendoakan kesejahteraan mereka kerana jika kita menghitung tentang pengorbanan ibu bapa kita nescaya kita tidak mampu untuk membala jasa mereka. Lantaran itu kita hanya mampu untuk



mendoakan mereka semoga dibalas oleh Allah SWT segala jasa dan tenaga yang telah dicurahkan kepada kita. Semoga kita sentiasa bermohon kepada Allah agar kita termasuk dalam golongan yang sentiasa bertaubat dan diberkati di dunia dan Akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ  
آرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا



"Dan Hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana kasihan belas dan kasih sayang Mu dan Doakanlah untuk mereka dengan berkata : Wahai tuhan kami cucurilah rahmat kepada kedua ibu bapa kami sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil".  
(Al-Isra' : 24)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدِّكْرِ



الْحَكِيمٌ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ حَيَّا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَأَ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ  
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبَحْفِظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ  
مَلِكِنَا الْمُعَظِّمِ سُلْطَانِ سَلَّمَاعُور، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين  
عبد العزيز شاه الحاج.



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ  
ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِيْ  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِ  
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru, kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



Ya Allah, bukakanlah hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعَمِهِ، يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ، يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.